



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

Teruskan Beribadat Sunat Walaupun Bukan Di Bulan Ramadhan

(Bahagian Kedua)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

- Sembahyang Sunat Rawatib *Qabliyyah* Dan *Ba'diyyah* Zuhur

Dalam sebuah hadits shahih Sunan at-Tirmidzi, Ummu Habibah *Radhiallahu 'anha* meriwayatkan bahwasanya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda:

Maksudnya: *“Barangsiapa yang memelihara (mengamalkan) sembahyang sunat empat rakaat sebelum sembahyang fardhu Zuhur dan empat rakaat selepasnya nescaya Allah akan mengharamkan atasnya api neraka.”*

(Hadits riwayat Imam at-Tirmidzi)

- Sembahyang Sunat Rawatib Asar

Walaupun sembahyang Rawatib Asar ini adalah sunnah *ghairi mu'akkadah*, akan tetapi adalah perlu ianya dikerjakan dengan harapan akan termasuk dalam golongan orang-orang yang didoakan oleh Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* dalam sabda Baginda:

Maksudnya: “*Mudah-mudahan Allah akan merahmati orang yang mengerjakan sembahyang sunat sebelum sembahyang fardhu Asar sebanyak empat rakaat.*”

(Hadits riwayat Imam Abu Daud, At-Tirmidzi, Ahmad dan Ibnu Khuzaimah)

Sungguhpun ada sebilangan sembahyang sunat Rawatib ini tidak disebutkan fadhilat amalannya secara khusus misalnya sembahyang sunat Rawatib Maghrib dan Isya’, akan tetapi kelebihanannya tidak dapat dipertikaikan lagi dengan merenung hadits-hadits yang menyebutkan tentang kelebihan sembahyang sunat secara umum.

Imam Muslim meriwayatkan daripada An-Nu‘man bin Salim *Radhiallahu ‘anhu*, bahawasanya Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* telah bersabda:

()

Maksudnya: “*Barangsiapa yang bersembahyang dua belas rakaat dalam sehari secara tathawwu’ (sembahyang sunat Rawatib), didirikan untuknya sebuah rumah dalam syurga.*”

(Hadits riwayat Imam Muslim)

Dua belas rakaat sembahyang sunat rawatib yang dimaksudkan dalam hadits itu ialah empat rakaat *Qabliyyah* Zuhur dan dua rakaat *Ba‘diyyah* Zuhur, dua rakaat *Ba‘diyyah* maghrib, dua rakaat *Ba‘diyyah* ‘Isya’ dan dua rakaat Subuh (sembahyang sunat Fajar).

1. Sembahyang Sunat Tahajjud

Di dalam sebuah hadits ada menyebutkan bahawa sembahyang sunat Tahajjud dapat mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu Wa Ta‘ala*:

:

()

Maksudnya: *“Sesungguhnya Rasullullah Shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Kerjakanlah qiam al-lail (sembahyang malam) kerana sesungguhnya ia amalan biasa dilakukan oleh orang-orang shaleh sebelum kamu dan sesungguhnya qiam al-lail itu mendekatkan diri kepada Allah, mencegah daripada membuat dosa, menghapuskan kejahatan-kejahatan, dan dapat menghindarkan daripada penyakit tubuh badan.”*

(Hadith riwayat at-Tirmidzi)

2. Sembahyang Sunat Dhuha

Ganjaran mengerjakan sembahyang sunat Dhuha juga sangat besar. Antaranya disebutkan dalam satu riwayat daripada Abu Zar Radhiallahu ‘anhu beliau berkata bahawa Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam telah bersabda:

()

Maksudnya: *“Setiap sendi-sendi tulang ditubuhmu adalah sedekah (dengan bersyukur kepada Allah Ta‘ala), Setiap tasbih itu sedekah, setiap tahmid itu sedekah, setiap tahlil itu sedekah, dan setiap takbir itu adalah sedekah. Ajakan pada perkara kebajikan adalah sedekah, dan cegahan daripada kemungkaran adalah juga*

sedekah. Semua itu adalah memadai dengan hanya melakukan dua rakaat sembahyang Dhuha.”

(Hadis riwayat Muslim)

3. Sembahyang Sunat Tasbih

Menyentuh mengenai sembahyang sunat Tasbih pula, Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* ada mengajarkan kepada Abbas bin Abdul Muthalib *Radhiallahu ‘anhu*, bapa saudaranya bahawa kelebihan sembahyang sunat Tasbih itu sangatlah besar sebagaimana sabda baginda:

()

Maksudnya: “*Jika engkau membuat yang sedemikian itu (sembahyang sunat Tasbih), Allah menghapuskan dosamu, yang terdahulu dan yang sekarang, yang sudah lama dan yang baru, yang tidak disengaja dan yang sengaja, yang kecil dan yang besar, yang tersembunyi dan yang terang-terangan.*”

(Hadits riwayat Abu Daud)

4. Sembahyang Sunat Istikharah

Kelebihan sembahyang sunat Istikharah (memohon ketentuan daripada Allah bagi memilih perkara yang lebih baik) ini ada disebutkan dalam sebuah hadits yang diriwayatkan daripada Sa’d bin Abu Waqqas *Radhiallahu ‘anhu*, Baginda Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

()

Maksudnya: “*Di antara kebahagiaan anak Adam itu beristikharah kepada Allah, dan di antara kebahagiaan anak Adam itu (juga) reda dengan apa yang Allah tentukan, dan daripada kecelakaan anak Adam itu meninggalkan istikharah kepada Allah, dan di antara kecelakaan anak Adam itu marah dengan apa yang Allah tentukan baginya.*”

(Hadis riwayat Ahmad)

5. Sembahyang Sunat Witr

Antara fadhilat sembahyang witr itu, Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

()

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah ‘Azza Wajalla telah menambahkan bagi kamu satu sembahyang, yang lebih baik untuk kamu daripada humrin ni‘am (semulia-mulia harta di sisi orang-orang Arab), iaitu sembahyang witr. Allah jadikannya (sembahyang witr) untuk kamu di antara Isya’ hingga terbit fajar.*”

(Hadis riwayat Abu Daud, Ibnu Majah dan Tirmidzi)